

04 DEC 1998

Zainal-Sambutan

ANGGOTA GABUNGAN MTUC SAMBUT BAIK PELANTIKAN ZAINAL

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Anggota gabungan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menyambut baik pelantikan presiden kongres itu Encik Zainal Rampak sebagai anggota Dewan Negara.

Mereka menganggap pelantikan itu sebagai satu pengiktirafan kepada kesatuan sekerja.

Zainal akan mengangkat sumpah sebagai senator Isnin ini untuk tempoh tiga tahun sehingga tahun 2001.

Presiden Persatuan Kakitangan Eksekutif Sistem Penerbangan Malaysia (MESA) Mohd Isa Jani berkata pelantikan Zainal menunjukkan kerajaan mengiktiraf kesatuan sekerja.

Dengan pelantikannya pergerakan kesatuan sekerja akan mempunyai wakil untuk bersuara di Dewan Negara bagi memperjuangkan keadilan sosial, katanya.

Semua anggota MESA menyokong pelantikan tersebut dan ingin Zainal terus memimpin MTUC dan berharap seluruh kesatuan gabungan MTUC turut memberi sokongan bagi keutuhan pergerakan kesatuan sekerja, katanya dalam kenyataan di sini.

Presiden Kesatuan Sekerja Teknikal Malaysia (MTSU) Haji Md. Yusup Harmain Shah berkata pelantikan Zainal akan membolehkan isu-isu pekerja diketengahkan melalui saluran yang lebih mantap.

Beliau berkata ia adalah satu pengiktirafan kerajaan kepada perjuangan pekerja bukan sahaja di sektor swasta tetapi juga sektor awam.

"Kita semua (pekerja) patut berasa bangga kerana kerajaan mengiktiraf perjuangan pekerja dengan memberi satu kerusi di peringkat tertinggi seperti Dewan Negara," katanya ketika dihubungi di sini.

Md. Yusup berharap Zainal akan dapat menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab. Beliau mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas pelantikan itu.

Presiden Kesatuan Pegawai-pegawai Bank Bumiputera Encik Ros Hussain berkata pelantikan Zainal dianggap perkembangan positif kerana inilah kali pertama jawatan itu diberikan kepada orang yang memperjuangkan hak pekerja.

Beliau berharap Zainal dapat memberi sumbangan berkesan kepada kesatuan sekerja di samping dapat meningkatkan pencapaian pekerja dan memperolehi faedah dalam keadaan kegawatan ekonomi.

-- BERNAMA

ARA HS NMO